

صلى الله
عليه
وسلم


Biografi
**MUHAMMAD
BIN ABDULLAH**

PERJALANAN HIDUP SEORANG NABI

Zulkifli Mohd. Yusoff
Noor Naemah Abd. Rahman

Edisi 2011

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD



Biografi
MUHAMMAD
BIN ABDULLAH

PERJALANAN HIDUP SEORANG NABI

Zulkifli Mohd. Yusoff
Noor Naemah Abd. Rahman



PUSTAKA PERDANA



1009790

#20728L

Pertama kali diterbitkan pada 2003 oleh PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. Ulang cetak 2004. Edisi ini diterbitkan oleh PTS Islamika Sdn. Bhd.



PTS ISLAMIKA SDN. BHD.
(847946-W)
No 12 & 12A, Jalan DBP
Dolomite Business Park
68100 Batu Caves, Selangor, Malaysia
Tel: +6 03 6188 0316 Faks: +6 03 6189 0316
E-mel: ptsislamika@pts.com.my

Laman web rasmi PTS: www.pts.com.my
Kedai buku online PTS: www.bookcafe.com.my
Facebook: www.facebook.com/bukuPTS
Twitter: www.twitter.com/bukuPTS

Hak cipta terpelihara Zulkifli Mohd. Yusoff & Noor Naemah Abd. Rahman, 2006
Terbitan pertama, 2007
Edisi Pertama, Cetakan Pertama, 2010
Edisi Kedua, Cetakan Ketujuh, 2012

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulung mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada PTS Islamika Sdn. Bhd.

Perpustakaan Negara Malaysia	Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Biografi Muhammad Bin Abdullah / Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abd. Rahman. (Siri sejarah dan tamadun) ISBN 978-967-366-067-4	
1. Muhammad, Prophet, 632--Biography. 2. Muhammad, Prophet, 632--Family--Biography. 3. Muhammad, Prophet d. 632--Friends and associates--Biography I. Noor Naemah Abd. Rahman. II. Judul. III. Siri. 297.63	

Pengurus Penerbitan:
Imran bin Azmi
(imran@pts.com.my)

Editor Perolehan:
Zahiruddin Zabidi
(zahiruddin@pts.com.my)

Editor Pengurusan:
Dahlia Ahmad Zainuddin
(dahlia@pts.com.my)

Editor & Reka Letak:
Fatimah Danial

Ilustrasi:
Nuriazam Ismail

Reka Kulit:
Shahroll Izra' Ishak
(shahroll@pts.com.my)

Dicetak oleh:

Prin-Ad Sdn. Bhd,
No 27-29, 2/148A,
Taman Sungai Besi
Industrial Park,
57100 Kuala Lumpur.

Diedarkan oleh:

PTS PUBLICATIONS &
DISTRIBUTORS SDN. BHD.

Tel: +6 03 6188 0316
Faks: +6 03 6189 0316
E-mel: sales@pts.com.my

297.63
B10



Nota Penerbit

Muhammad bin Abdullah atau Nabi Muhammad yang dimaksudkan di dalam buku ini adalah nabi dan utusan Allah. Bagi orang Islam, apabila bertemu dengan perkataan tersebut, digalakkan berselawat (berdoa) untuknya.

Dalam al-Quran, surah *al-Ahzab* ayat 56, Allah menyatakan yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat kepada Nabi. Wahai orang-orang beriman, berselawatlah kamu kepadanya dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya.”

Nasaie dan Ibnu Hibban melaporkan, Nabi Muhammad berpesan, “Sesungguhnya orang paling dekat denganku pada Hari Kiamat adalah orang yang paling banyak berselawat kepadaku.”


Bacalah selawat, “*Allahumma solli ‘ala saidina Muhammad wa ‘ala aalihi wa as-haabihii ajma’iin*”. Maksudnya, “Ya Allah, kurniakanlah kepujian ke atas Nabi Muhammad, ahli keluarga dan sekalian sahabat-sahabat beliau.”

PTS Islamika Sdn Bhd adalah penerbit buku-buku dalam bidang agama Islam dengan pendekatan dan bahasa moden.



PTS ISLAMIA SDN. BHD.
No. 11 & 12, Jalan
Duta, Kuala Lumpur
Tel: 03-2033 8888
Fax: 03-2033 8889
E-mail: pts@pts.com.my

Muhammad...
Nama seorang lelaki agung,
Kami beriman kepadanya dengan sepenuh jiwa dan raga,
Meskipun kami tidak pernah bertemu dengannya,
Petunjuknya membawa kita ke syurga,
Ajarannya menjanjikan dunia sejahtera





Isi Kandungan

Kata Pengantar	ix
Bab 1 Sejarah Muhammad Bin Abdullah	1
Bab 2 Dakwah pada Zaman Mekah	39
Bab 3 Hijrah ke Habsyah	69
Bab 4 Hijrah ke Madinah	108
Bab 5 Peperangan Badar	149
Bab 6 Peperangan Khandak	194
Bab 7 Peperangan Keturunan Quraizah	226
Bab 8 Perjanjian Hudaibiah	256
Bab 9 Peperangan Khaibar	287
Bab 10 Perutusan Muhammad kepada Pemerintah	312
Bab 11 Pembukaan Kota Mekah	338
Bab 12 Peperangan Hunain	369
Bab 13 Peperangan Tabuk	405
Bab 14 Muhammad Meninggal Dunia	438
Glosari	467
Indeks	477



Kata Pengantar

Edisi 2011

SEGALA PUJIAN buat Tuhan Perencana segala kehidupan. Sanjungan kemuliaan milik nabi akhir zaman. Seluruh pujian khusus untuk para sahabat nabi s.a.w.

Banyak perkara dalam dunia ini yang berlaku tanpa diduga. Begitu juga yang berlaku pada buku *Biografi Muhammad* ini. Sebagai ahli akademik, kami berasa puas apabila dapat menulis sehingga ke hujung noktah. Kadang-kadang, untuk sampai ke titik akhir bukan perkara mudah. Malah, ada juga karya kami yang masih berada dalam bentuk tulisan tangan dan entah bila pena akan berhenti. Namun, ia tidak berlaku pada buku *Biografi Muhammad* ini. Kami merasakan ia berlaku dengan begitu pantas dan syukur kepada Tuhan yang menentukan semua itu kepada kami.

Tanpa kami duga, karya ini terpilih bagi mengisi ruangan Duniaku Buku rancangan Radio IKIM.fm. Kami dan penerbit beranggapan ia adalah penghargaan yang tidak dapat kami lupakan. Tahun 2011 ini boleh dianggap sebagai tahun bertuah buat buku ini kerana diulang cetak bagi edisi ketiga dengan beberapa pembetulan dan sedikit penambahan.

Sekalipun kami menerima pelbagai reaksi dari para pembaca terhadap buku ini, ada yang positif dan ada yang merasa kurang

senang, tetapi kami menerima kesemua itu dengan hati terbuka. Apabila mereka memberikan pandangan, ini bermakna mereka membaca karya ini. Persoalan bersetuju ataupun tidak dengan pendekatan yang kami bawa melalui buku ini patut diterima sebagai perbezaan yang boleh diberi kemaafan jika tindakan kita diasaskan pada objektif yang jelas dan hujah yang nyata. Objektif kami adalah menyediakan sebuah penulisan biografi nabi akhir zaman bagi mengisi ruangan perpustakaan di kalangan bukan Islam. Ini kerana seperti yang dinyatakan dalam rancangan Duniaku Buku, kebanyakan karya sirah ditulis oleh orang Islam untuk dibaca oleh orang Islam.

Pendekatan yang diguna dalam melakar biografi nabi akhir zaman adalah pendekatan penceritaan. Gaya ini agak santai dan lebih mudah menjinakkan hati pembaca. Boleh jadi dengan gaya ini, pembaca dapat menghabiskan bacaannya dalam tempoh beberapa hari kerana jiwa mereka dirangsang bagi mengetahui kesudahan cerita. Dalam keseronokan pembacaan ini juga, beberapa pengajaran dan pelajaran dibawa masuk.

Kegembiraan kami sebenarnya berbaur ketakutan. Ini kerana penulisan sirah bukan seperti penulisan biasa. Kami bimbang jika apa yang kami lakukan ini termasuk dalam amaran Nabi Muhammad yang dilaporkan oleh Bukhari dan Muslim, "Waspadalah dari bercakap mengenai aku apa yang kamu tidak tahu, sesiapa berdusta mengenaiaku akan menempah tempat di dalam neraka." Kami sudah mencuba sedaya upaya membuat rujukan daripada sumber muktabar dan dapat dipercayai semasa membuat penulisan ini. Di beberapa tempat di dalam buku ini, terdapat beberapa perbezaan pendapat dengan buku sirah yang lain seperti nama orang, nama tempat dan tarikh berlakunya suatu peristiwa. Kami kira, perbezaan ini bukan mencacatkan kerana para ahli sejarah juga berbeza pendapat mengenainya. Apa yang kami petik dikira yang lebih baik pada pandangan kami.

Hakikatnya Nabi Muhammad sudah lama pergi meninggalkan kita. Beliau tinggalkan kita dua perkara iaitu al-Quran dan sunnah bagi menjamin kita tidak sesat. Dua perkara ini diketahui oleh umat Islam, namun umat yang dikurniakan dengan dua perkara ini pada realiti hari ini boleh dinilai sejauh mana mereka mengambil berat

terhadap kedua-duanya. Berapa ramai yang menghafal al-Quran? membacanya dalam rutin harian? memahami kandungannya? beramal dengan tuntutannya? Mungkin ia boleh dibilang dengan jari sebagai menunjukkan betapa sedikitnya bilangan mereka. Berapa ramai pula yang menghafal hadis? Memahami dan beramal dengan tuntutannya? Jarang kita bertemu orang yang mengaku umat Muhammad tetapi tidak tahu al-Quran dan hadis, sedangkan itu adalah kitab mereka. Bagaimana al-Quran akan memberikan mereka syafaat selepas hari kematian? Tergamakkah mereka meminta syafaat beliau di Padang Mahsyar?

Tidak mustahil kemunduran umat dewasa ini adalah punca daripada kejahilan mereka pada lantai tapak agama mereka. Kalangan sahabat, jika mereka berselisih pendapat, mereka akan merujuk kepada Nabi Muhammad dan itulah keputusannya. Dalam keadaan beliau tidak ada, perselisihan pendapat perlu dirujuk kepada dua perkara tadi dan itulah keputusannya. Tetapi umat bagaikan masih kehilangan punca. Kenapa?

Sudah tentu terdapat banyak jawapan dalam konteks kita menyelusuri sejarah ini. Kita akan berkata umat Islam ini masih jauh dari penghayatan ajaran nabi mereka. Kadang-kadang kita melihat mereka seperti orang yang menipu diri sendiri. Mereka mempraktikkan agama secara jahil, bukan dengan ilmu. Mereka melakukan ibadat haji atau umrah secara jahil sedangkan ibadat itu adalah kemuncak pada kekuatan spritual dan fizikal umat yang ditinggalkan oleh beliau. Jika tidak ada kawalan keselamatan, kita boleh melihat berbagai-bagai macam amalan khurafat berlaku di Tanah Haram, sewaktu melontar jamrah, bahkan sewaktu menziarahi kekasih, Nabi Muhammad dilakukan secara ikut-ikutan yang diwarisi secara salah. Kita tertanya-tanya apakah Rasulullah tidak pernah mengajar kita tentang adab, tatasusila dan sebagainya? Di manakah hilangnya hadis-hadis akhlak yang ditinggalkan oleh beliau kepada kita?


Banyak yang perlu dilakukan bagi mereform umat ini. Mungkin dengan semaian cinta yang tinggi pada perjalanan hidup beliau akan mencurahkan rasa ingin tahu yang jujur pada agama sehingga tersingkap tabir kejahilan.

Semoga Tuhan merestui usaha ini dan kepada para pembaca yang sudi memberikan komentar bagi tujuan penambahbaikan, kami amat hargai dan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.


Terima kasih. Wassalam.

Zulkifli Haji Mohd Yusoff & Noor Naemah Abd Rahman
Masjid Nabawi, 1431H.

PETA SEMENANJUNG TANAH ARAB



Semenanjung Arab pada zaman Muhammad yang bebas daripada pengaruh kuasa Rom dan Parsi.



Dalam masa 100 tahun selepas kematian Muhammad, Islam berkembang di Timur Tengah, menelusuri Afrika Utara ke Sepanyol. Ini adalah kegemilangan perluasan empayar pada tahun 850 Masihi.

- PETUNJUK**
- Perluasan Islam pada zaman Muhammad
 - Perluasan Empayar Islam pada tahun 850 Masihi
 - ➔ Arah perluasan seterusnya

BAB 1



Sejarah Muhammad Bin Abdullah

(570 M - 611 M)

Pendahuluan

INILAH BIOGRAFI Muhammad bin Abdullah yang menerangkan Islam dan peribadinya. Biografi ini juga menerangkan pelbagai perkara lain. Dengan memahami biografi beliau, individu itu dapat memahami al-Quran. Ini kerana banyak ayat al-Quran yang tidak dapat difahami melainkan kita memahami faktor-faktor yang menyebabkan ayat-ayat itu diturunkan. Faktor itu ada pada sejarah hidup Muhammad bin Abdullah.

Kita mulakan siri ini dengan peristiwa-peristiwa sebelum kelahiran Muhammad supaya kita mengetahui sejarah bangsa Arab sebelum kelahiran beliau, bagaimana keadaan hidup mereka sebelum dan selepas kehadiran beliau, bagaimana perubahan yang berlaku di tanah Arab dan beberapa perubahan yang luar biasa tetapi dapat difahami dengan menghayati sejarah hidup beliau.

Ibrahim Membina Bangunan Kaabah

Tuhan memerintahkan Ibrahim membawa isterinya Siti Hajar dan anak kecil kesayangannya iaitu Ismail supaya ditinggalkan di suatu tempat bernama Mekah. Mereka ditinggalkan di sebuah lembah gunung-ganang berbatu di tengah padang pasir yang tidak ada tumbuhan. Mekah pada masa itu adalah lembah yang kosong dan kering kontang.

Ibrahim berasal dari Palestin. Di Mekah, beliau meninggalkan isterinya Siti Hajar dan anaknya, Ismail. Apabila mereka ditinggalkan di situ, Siti Hajar merasa pelik kerana di situ tidak ada air, tidak ada makanan, tidak ada jiran yang dapat menolong bahkan tidak ada manusia lain. Dia pula ditinggalkan berdua sahaja dengan anaknya yang masih kecil.

Semasa Ibrahim hendak meninggalkan mereka, Siti Hajar mengekori Ibrahim dari belakang sambil bertanya mengapa dia ditinggalkan di situ. Namun Ibrahim tidak mengendakannya sehingga akhirnya Siti Hajar bertanya, “Adakah ini perintah Allah?” “Benar,” jawab Ibrahim.

Siti Hajar berkata dengan penuh yakin, “Kalau begitu, pasti Tuhan tidak akan mensia-siakan kita. Sekiranya ini adalah perintah Tuhan, pasti ada pembelaan daripada Tuhan Yang Maha Baik itu.”

Apabila si anak menangis kehausan, sementara susu Siti Hajar sudah mula kering, lalu berlarilah Siti Hajar mencari air dari Bukit Safa menuju pula ke Bukit Marwah dengan penuh cemas dan berharap kepada Tuhan. Berkat rintihan hati Siti Hajar yang bergantung penuh pada Tuhan, Tuhan menghantar malaikat yang bernama Jibril. Dengan sayapnya, Jibril menyingkap telaga Zamzam yang airnya terpancar keluar apabila Ismail menghentak-hentakkan kakinya ke bumi. Inilah sejarah telaga Zamzam yang masih mengeluarkan airnya sehingga ke hari ini. Telaga ini terletak berdekatan dengan bangunan Kaabah di Mekah.

Menurut ahli-ahli sejarah, peristiwa ini berlaku selepas empangan besar di Yaman, yang bernama Sadd Maarib, pecah. Empangan Maarib adalah empangan yang besar dan menjadi sumber air dan sumber kehidupan di Yaman pada masa itu. Empangan ini dibina oleh kerajaan Saba’ di Yaman yang sememangnya terkenal dengan kepakaran seni bina. Mereka membina empangan ini bagi menampung air hujan bagi keperluan dan pertanian mereka. Apabila mereka ingkar kepada Tuhan, Tuhan memecahkan empangan ini.

Selepas empangan ini pecah, bangsa Arab yang berasal dari Yaman berpindah dan mencari tempat-tempat baru. Bertebaranlah bangsa Arab ini ke seluruh Semenanjung Arab. Suku Thaqif berpindah ke Taif. Suku Aus dan suku Khazraj ke Madinah. Suku

Ghasasinah sampai ke negeri Syam. Suku Manazirah pula sampai ke sempadan Iraq.

Pada masa itu, suku Jurhum melalui kawasan berdekatan dengan Mekah. Mereka ternampak burung-burung berterbangan. Itu adalah petanda ada air di kawasan itu. Mereka tahu selama ini memang tidak pernah ada air di kawasan Mekah. Mereka perlu memeriksa adakah benar ada air di situ.

Apabila mereka melihat ada seorang wanita bersama anak kecil di tempat air, mereka tidak merampas air Zamzam itu daripadanya kerana mereka suku kaum yang baik. Malah mereka meminta izin daripada Siti Hajar berkongsi air. Mereka rela membayar sewa telaga air itu kepada Siti Hajar apabila diminta.

Selepas Ismail mula dewasa, Tuhan memerintahkan Ibrahim dan Ismail membina Kaabah di atas tapak asal Kaabah yang mula-mula dibina oleh Adam. Kaabah sudah dibina semenjak zaman Adam lagi. Tetapi kemudian runtuh dan terkambus. Adam adalah manusia pertama yang dicipta Tuhan.

Semasa Ibrahim dan Ismail hampir siap membina Kaabah, apabila sampai di satu penjuru, mereka mencari batu yang paling sesuai bagi diletakkan tetapi tidak menemuinya. Pada masa itu, Tuhan menurunkan seketul batu dari syurga. Itulah batu berwarna hitam yang disebut Hajar Aswad, ada pada dinding Kaabah sehingga hari ini.

Kaabah hanyalah bangunan daripada batu yang disusun-susun. Bagaimana hendak memanggil orang supaya datang menziarahi Kaabah? Oleh itu, Tuhan memerintahkan Ibrahim membuat seruan kepada manusia.

Ibrahim berkata, “Wahai Tuhan! Bagaimana suara aku boleh sampai kepada pendengaran semua manusia?”

Tetapi Tuhan menegaskan, tugas Ibrahim hanyalah membuat seruan. Dialah yang menyampaikannya kepada manusia.

Ibrahim pun naik ke Bukit Arafah yang terletak dekat dengan Kaabah dan telaga Zamzam. Dari atas bukit itu beliau menyeru manusia dari seluruh dunia supaya datang menziarahi Kaabah. Suara Ibrahim didengari oleh semua manusia dan Tuhan menjatuhkan ke

“Kandungan buku ini elok dan sesuai sebagai pembacaan bagi golongan yang baru mengenali Islam dan yang mahu mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang riwayat hidup seorang nabi dan rasul. Bukan semua pembaca suka membaca buku-buku ilmiah tentang Islam yang agak berat dengan istilah Arab. Sebagai seorang saudara baru, bentuk penulisan seperti buku ini akan dibeli dan dibaca.

- **Aliya Yeoh Abdullah**, pendidik -

“Membaca sirah beliau nyata membuka pemikiran dalam konteks perencanan strategi pentadbiran. Kebijaksanaan beliau bersama sahabat nyata memukau pengkaji-pengkaji pengurusan strategik. Mungkin satu penulisan khusus boleh dilakukan oleh mereka yang berminat.”

- **Prof. Dr. Muhd Kamil Ibrahim**, pengarah UiTM Segamat & penulis bestseller *Travelog Haji* -

“Dapat dibaca dan dihayati oleh semua peringkat usia. Inilah buku sirah terbaik yang pernah ditulis untuk mereka yang baru mengenali nabi.”

- **Haji Zamri Zainal Abidin**, penerbit Duniaku Buku, radio IKIM.fm -

“Buku ini bukan sahaja wajar dijadikan hadiah kepada bukan Islam, malah kepada remaja Islam hari ini yang lebih mengenali ikon-ikon hiburan berbanding Nabi Muhammad.”

- **Maizura Ederis**, *Majalah Millenia Muslim* -

“Pengarang berjaya membawa karya ilmuan tentang sejarah Islam ke tahap yang mampu mengatasi novel-novel cinta dan karya popular di pasaran! Gaya penulisan bahasa Melayu yang mudah difahami, olahan yang menarik, selain perjalanan cerita yang mudah diikuti menjadikan buku ini sesuai dibaca dan dihayati oleh pelbagai peringkat umur. Terasa seperti membaca sebuah novel walaupun hakikatnya ia sebuah karya bersifat ilmiah dan sesuai menjadi bahan rujukan.”

- **Lelucon**, *blogger* -

Namanya diletakkan dalam senarai teratas oleh penulis dan saintis Barat, Dr. Michael H. Hart di alam bukunya *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History*. Perjalanan hidupnya menjadi sumber inspirasi dan ikutan lebih daripada 1.5 billion masyarakat Islam di serata dunia hingga hari ini.

Prof. Dato' Dr Zulkifli Mohd Yusoff adalah pensyarah di Jabatan al-Quran dan Sunnah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya manakala **Prof. Madya Dr. Noor Naemah Abd. Rahman** juga adalah pensyarah di fakulti yang sama.

Islam/Sejarah

ISBN 978-967-366-067-4



9 789673 660674

Seri. Malaysia RM35.00
Sabah/Sarawak RM38.00



PTS ISLAMIKA SDN. BHD.
pts.com.my/islamika